

Headline	Dedah kesan buruk HIV melalui My-jenazah		
MediaTitle	Sinar Harian (Melaka & Negeri Sembilan)		
Date	22 Apr 2017	Color	Full Color
Section	News	Circulation	160,000
Page No	42	Readership	509,000
Language	Malay	ArticleSize	168 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,177
Frequency	Daily	PR Value	RM 3,530



## Dedah kesan buruk HIV melalui My-jenazah

PASOH - Pertubuhan Kami Anak Felda Wilayah Raja Alias (Kafwra) sekali lagi menjelajah ke Felda Pasoh 1, bagi memperkenalkan konsep tadbir urus jenazah bermasalah dan berisiko tinggi kepada generasi kedua Felda.

Pengerusinya, Hamilye Sham Harun berkata, seramai 122 peserta dihimpunkan dalam program diadakan, terdiri daripada peneroka, remaja dan belia yang ada dalam komuniti Felda di sini.

"Fokus utama kita adalah menerangkan secara teori dan amali, bagaimana tata cara dan kaedah pengurusan jenazah bagi kes yang berisiko tinggi. Tidak dinafikan masih ramai yang tidak mengetahui prosedur betul untuk urus jenazah yang mengidap HIV dan Aids.

"Justeru, mereka yang terlibat program My-jenazah ini didedahkan dengan tip pencegahan infeksi,

yang amat penting semasa aktiviti pengendalian jenazah dilakukan. Proses dari memandikan, mengkafan sehingga pengebumian diterangkan secara terperinci," katanya setelah selesai program tersebut.

Hamilye Sham berkata, golongan muda seharusnya didehdahkan bagaimana kesan buruk terhadap jenazah HIV.

"Secara tidak langsung usaha ini juga akan mencegah mereka daripada terlibat dengan aktiviti tidak sihat. Diharap kursus menguruskan jenazah berisiko tinggi ini memberi kesedaran dan iktibar buat peserta.

"Ini adalah kursus siri ke-5/2017. Ia juga hasil kerjasama di antara Kafwra, Jabatan Kesihatan Jelebu, Pejabat Agama Islam Daerah Jelebu, kariah masjid, kepimpinan Felda Pasoh 1 dan Agensi Anti Dadah Kebangsaan daerah," katanya.



Antara yang terlibat menjayakan kursus tersebut dalam sesi teori dan amali.